

Sila ambil perhatian, hanya permohonan yang dimajukan dengan maklumat yang lengkap dan betul sahaja akan diproses.

BAHAGIAN 1 : UNTUK DIISI OLEH PEMOHON

Untuk Individu :

Nama Pemohon _____ No. MyKad / Pasport : _____
(En. / Pn. / Cik)
("Pegguna")

Nama Ibu : _____ Tarikh Lahir : _____
(Kod Keselamatan Pengesahan Peribadi) HH / BB / TTTT
(Bawah 18 tahun tidak layak memohon)

Nama Saudara Terdekat : _____ No. Tel. Saudara Terdekat : _____
(Individu yang dihubungi sekiranya kami tidak dapat menghubungi anda)

Untuk Permohonan selain dari Individu (Syarikat / Jabatan Kerajaan / Persatuan / Organisasi / dsb) :

Nama Pemohon : _____ No. Pendaftaran : _____
(Yang mana berkenaan)
("Pegguna")

Nama Wakil Yang _____
 Diberi Kuasa : _____ Jawatan : _____
(Individu yang diberi kuasa berkaitan permohonan bekalan elektrik)

No. Telefon : _____ No. Faks : _____

No. Telefon Bimbit : _____ Emel : _____

Pilihan Saluran Komunikasi : Surat Emel Surat & Emel

Pilihan Penghantaran Bil : Serahan Tangan Pos Emel

(Sila pilih satu (1))

Butiran Premis

a. Alamat Premis* : _____
(di mana bekalan diperlukan)
("Premis")

b. Pemilikan Premis Sendiri Sewa

c. Jenis Premis Kediaman - Jenis Kediaman: _____
(Aktiviti ini akan menentukan tarif yang boleh dikenakan) (Contoh: Rumah teres dua tingkat)
 Bukan Kediaman Perdagangan Perkilangan Pertanian
 Perlomongongan Lampu Jalan

Aktiviti Utama di Premis: _____
(Contoh: Kedai roti, kilang papan dan sebagainya)

d. Alamat Surat Menyurat: _____
(Jika berbeza dengan Alamat Premis di atas)

e. Tarikh bekalan dikehendaki: _____
HH / BB / TTTT (Pemberian bekalan elektrik oleh TNB adalah tertakluk kepada kesediaan premis pengguna)

JENIS PERMOHONAN * Sila tandakan (/) pada pilihan

Bekalan Elektrik Baru (Tetap) Bekalan Elektrik Sementara

Jangkaan Tarikh Tamat Bekalan :

Bekalan Elektrik Tambahan Penukaran Tarif (Bahagian 2 tidak perlu diisi)

Lain-lain : _____

PERAKUAN PEMOHON

- Saya / Kami memperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan dalam borang ini adalah kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga. Saya / Kami juga memberi kebenaran kepada kontraktor ini untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan permohonan saya / kami ini.
- Saya / Kami mengesahkan bahawa pendawaian elektrik berada dalam keadaan yang baik.
- Saya / Kami memahami dan memperakui bahawa selaku pengguna elektrik berdaftar di premis tersebut, saya / kami akan bertanggungjawab ke atas sebarang penggunaan elektrik dalam tempoh sewaan dan / atau tempoh menghuni termasuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh TNB sebagaimana dibenarkan di bawah Akta Bekalan Elektrik.
- Saya / Kami bersetuju untuk memastikan jangka, pemasangan dan / atau peralatan TNB di premis tersebut tidak diusik atau dialih pada sebarang masa dalam tempoh sewaan atau tempoh menghuni kecuali dengan kebenaran bertulis TNB.
- Saya / Kami mengesahkan maklumat yang saya / kami berikan di atas adalah tepat dan benar dan sekiranya ia didapati tidak tepat atau tidak benar, TNB berhak mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya.
- Saya / Kami bersetuju dengan semua terma dan syarat bekalan elektrik TNB seperti haelaian yang dilampirkan ("Terma dan Syarat") merupakan sebahagian daripada ikatan kontrak.
- Saya / Kami selaku penandatangani di bawah dengan ini memberi persetujuan kepada TNB, ejen dan / atau pemegang serah hak yang dibenarkan untuk mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi saya / kami berdasarkan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi maksud yang sah atau yang perlu dan berkaitan dengan aktiviti pembekalan elektrik oleh TNB.
- Saya / Kami mengakui nombor telefon / alamat surat-menyurat / alamat emel yang diberikan adalah benar dan tepat dan pihak TNB akan dimaklumkan sekiranya terdapat perubahan terhadap maklumat-maklumat tersebut. Kegagalan saya / kami untuk mengemaskini nombor telefon / alamat surat-menyurat / alamat emel tidak akan menyebabkan pihak TNB bertanggungjawab di atas kegagalan untuk penghantaran notis-notis di bawah Kontrak ini.

.....
 Tandatangan Pemohon / Cop Syarikat
 (yang mana berkenaan)
 Tarikh:

Nama Pemohon:
 (Yang Menandatangani Bagi Pihak Syarikat)
 Jawatan:.....
 No. MyKad:.....

BAHAGIAN 2 / PART 2 : UNTUK DIISI OLEH KONTRAKTOR ELEKTRIK BERDAFTAR/UNIT PENDAWAI PERSENDIRIAN / TO BE COMPLETED BY REGISTERED ELECTRICAL CONTRACTOR / PRIVATE WIRING UNIT

RUJUKAN : Nombor MyKad Pengguna / Applicant MyKad No. atau /or No. Pendaftaran Syarikat / Company Registration No. :

BUTIRAN PREMIS YANG MEMERLUKAN BEKALAN ELEKTRIK / DETAILS OF PREMISE WHICH REQUIRES THE ELECTRICITY SUPPLY

Alamat / Address :

Koordinat GPS / GPS Coordinate :

JENIS BEKALAN / SUPPLY TYPE (Tertakluk kelulusan TNB / Subject to TNB's Approval)

* Sila tandakan (/) pada pilihan / Please select (/)

- 1 Fasa Talian Atas / 1 Phase Overhead Line
- 1 Fasa Kabel Bawah Tanah / 1 Phase Underground Cable
- 3 Fasa Talian Atas / 3 Phase Overhead Line
- 3 Fasa Kabel Bawah Tanah / 3 Phase Underground Cable
- Lampu Jalan / Streetlight
- 3 Fasa Dengan CT (Saiz CT) / 3 Phase with CT (CT Size) _____ Amps

Tahap Voltan / Voltage Level

- 230V 400V 11kV 33kV Lain-lain / Others : _____ kV

BUTIRAN BEBAN / LOAD DETAILS

Butir Beban / Load Details	Jumlah Beban Sambungan (kW) / Total Connected Load (kW)	Kehendak Maksima (kW) / Maximum Demand (kW)
Beban Baru atau Sedia Ada / New or Existing Load		
Beban Tambahan / Additional Load		
Jumlah Beban / Total Load		
Beban Set Kimpalan / Welding Set Load		

PERAKUAN KONTRAKTOR / CONTRACTOR ACKNOWLEDGEMENT

Tandatangan, Nama Syarikat & Cop, Alamat, No. Telefon, No. Sijil Pendaftaran-Suruhanjaya Tenaga
Signature, Company's name & Stamp, Address, Tel. No., Energy Commission's Certificate of Registration Number

* Saya / Kami dengan ini mengesahkan pendawaian elektrik telah diperiksa dan disahkan berkeadaan baik mengikut piawaian Suruhanjaya Tenaga, dan saya / kami mengakui bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan TNB tiada bertanggungjawab ke atas apa-apa tindakan kerana maklumat yang diberikan.
I / We hereby confirm that the electrical wirings have been examined and verified as in good condition as per Energy Commission's standards, and I / We acknowledge that all information given are true and TNB shall not be liable for any action due to the information given

BAHAGIAN 3 / PART 3 : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT TNB / FOR TNB OFFICE USE

Tarif / Tariff	Sedia Ada / Existing	
	Baru / New	

Wang Cagaran / Deposit (RM)	Sedia Ada / Existing	
	Baru / New	
	Tambahan / Additional	
	Jumlah / Total	

No. Akaun / Account No.	
No. Permohonan Servis / Service Request No.	
No. LKKK / CPP / MWCS / PPP No.	

Tarikh Bekalan Diberikan (Tarikh Kontrak) / Date of Supply (Contract Date)

____/____/____ Contoh / Example : 19/05/2010

Disemak & Diluluskan Oleh :

Nama Pekerja : _____

No. Pekerja : _____

Tandatangan & Cop : _____ Tarikh : _____

Cop

TERMA DAN SYARAT-SYARAT BEKALAN BAGI PENGGUNA

DEFINISI

- 1. AKTA**
Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan/atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah ini dan/atau mana-mana pindaan, penyemakan, pengubahsuaian atau enakmen yang dibuat kepadanya atau apa-apa dari semasa ke semasa.
 - 2. BORANG PERMOHONAN**
Borang permohonan bermaksud borang bagi tujuan permohonan bekalan elektrik sama ada dalam bentuk fizikal bercetak atau dalam bentuk digital bagi permohonan secara atas talian, yang mana berkenaan.
 - 3. CAJ MINIMUM BULANAN (CMB)**
Caj minimum bulanan yang dikenakan ke atas Pengguna di mana bil bulanan elektrik (kW dan/atau kWj) adalah kurang daripada jumlah yang ditetapkan berdasarkan Tarif yang terpakai seperti diluluskan oleh kerajaan.
 - 4. CAJ MINIMUM BULANAN PROJEK (CMBP)**
Caj bulanan bersamaan 2% dari kos modal bersih projek bekalan. CMBP dikenakan dalam tempoh lima (5) tahun pertama dari tarikh pembekalan, selepas itu Caj Minimum Bulanan (CMB) akan digunakan. Tertakluk kepada jumlah elektrik yang digunakan, Pengguna akan dikenakan jumlah yang lebih tinggi antara CMBP atau penggunaan, berdasarkan tarif yang digunakan seperti diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga atau pihak berkuasa yang berkenaan.
 - 5. CAJ SAMBUNGAN**
Bayaran awal yang perlu dibayar oleh Pengguna yang memerlukan infrastruktur untuk bekalan elektrik baru dan/atau untuk menaiktaraf infrastruktur sedia ada bagi mendapatkan bekalan elektrik tambahan seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga selaras dengan peruntukan Akta.
 - 6. CAJ SAMBUNGAN BEBAN (CSB)**
Caj tambahan bagi setiap kilowatt yang perlu dibayar oleh Pengguna secara bulanan apabila Kehendak Maksimum sebenar yang direkodkan adalah kurang daripada 75% dari Kehendak Maksimum yang disyitiharkan.
 - 7. GANTI RUGI BERES**
Sejumlah wang yang dikenakan kepada Pengguna yang gagal atau berhenti untuk mengambil bekalan bagi tempoh lima (5) tahun.
 - 8. KEHENDAK MAKSIMUM**
Bermaksud untuk mana-mana bulan, kuasa elektrik yang diambil oleh Pengguna diukur dua kali ganda jumlah terbesar kilowatt-jam (kWj) yang dibekalkan dalam mana-mana tiga puluh (30) minit berturut-turut dalam bulan tersebut.
 - 9. KEHENDAK MAKSIMUM DIISYTIHARKAN**
Bermaksud keperluan kuasa elektrik yang disyitiharkan oleh Pengguna dalam kilo-watt (kW) atau mega-watt (MW) seperti yang dikontrakkan dengan TNB.
 - 10. KEHENDAK MAKSIMUM SEBENAR**
Bermaksud Kehendak Maksimum seperti yang direkodkan oleh meter kilowatt yang dipasang di premis Pengguna di mana Pengguna akan dibilkan secara bulanan untuk kapasiti kuasa elektrik digunakan.
 - 11. KONTRAK**
Kontrak Bekalan Elektrik yang merangkumi terma dan syarat-syarat serta borang permohonan bekalan.
 - 12. KONTRAKTOR ELEKTRIK BERDAFTAR**
Orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
 - 13. PEMEGANG LESEN**
Orang yang dilesenkan di bawah seksyen 9 Akta.
 - 14. PENGGUNA**
Orang yang dibekalkan dengan elektrik atau yang premisnya pada masa ini disambungkan bagi maksud pembekalan elektrik oleh Pihak Berkuasa Bekalan atau Pemegang Lesen.
 - 15. PENGGUNA BUKAN KEDIAMAN**
Mana-mana Pengguna yang memohon bekalan elektrik bagi tujuan selain dari rumah persendirian (Rumah persendirian adalah premis domestik yang mana tidak digunakan sebagai hotel, rumah asrama atau digunakan bagi tujuan menjalankan sebarang bisnes, perniagaan, pekerjaan khas atau perkhidmatan).
 - 16. PENGGUNA KEDIAMAN**
Pengguna yang menduduki premis kediaman persendirian yang tidak digunakan sebagai hotel, rumah penginapan atau untuk sebarang bentuk aktiviti atau perkhidmatan perniagaan, perdagangan dan professional.
 - 17. PERTUKARAN PENGHUNI**
Proses pertukaran nama pengguna berdaftar asal kepada pengguna berdaftar baru yang akan bertanggungjawab terhadap akaun elektrik sedia ada bagi suatu premis.
 - 18. PIHAK BERKUASA BEKALAN**
Mana-mana pihak berkuasa berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen atau mana-mana undang-undang lain untuk menajankuasakan dan/atau membekalkan elektrik
 - 19. SURUHANJAYA TENAGA**
Suruhanjaya Tenaga yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.
 - 20. TARIF**
Kadar yang akan dikenakan kepada Pengguna bagi penggunaan elektrik seperti yang dirujuk pada ruangan tarif Borang Permohonan sebagaimana diluluskan di bawah Akta.
 - 21. TNB**
Tenaga Nasional Berhad (200866-W) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dengan alamat berdaftar di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 2, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad, No. 129 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan-cawangan di Semenanjung Malaysia.
 - 22. UNDANG-UNDANG**
Mana-mana peruntukan undang-undang di bawah Akta, prinsip undang-undang yang diputuskan oleh mahkamah atau perintah mahkamah yang memberi kesan kepada sebarang isu berkaitan pemberian bekalan elektrik kepada Pengguna.
 - 23. VOLTAN AMAT RENDAH**
Voltan yang biasanya tidak melebihi 50 volt arus ulang alik atau 120 volt arus terus, sama ada antara konduktor ataupun antara konduktor dengan bumi.
 - 24. VOLTAN AMAT TINGGI**
Voltan yang biasanya melebihi 230,000 volt.
 - 25. VOLTAN RENDAH**
Voltan yang biasanya melebihi Voltan Amat Rendah tetapi tidak melebihi 1,000 volt arus ulang alik atau 1,500 volt arus terus di antara konduktor, atau 600 volt arus ulang alik atau 900 volt arus terus antara konduktor dengan bumi.
 - 26. VOLTAN SEDERHANA**
Voltan yang biasanya melebihi Voltan Rendah tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 50,000 volt.
 - 27. VOLTAN TINGGI**
Voltan yang biasanya melebihi 50,000 volt tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 230,000 volt.
- ### A. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA
- 1. MENGAMBIL BEKALAN**
Mengambil bekalan elektrik dipremis tersebut mengikut kadar Tarif menurut peruntukan Akta.
 - 2. CAJ SAMBUNGAN**
Membayar penuh kepada TNB bayaran Caj Sambungan (jika ada) sebelum sebarang kerja dimulakan oleh TNB, menurut peruntukan di bawah Akta.
 - 3. WANG CAGARAN**
Membayar wang cagaran yang diperlukan bagi menampung caj yang dianggarkan untuk dua (2) bulan bekalan elektrik sebelum bekalan disambungkan, dengan syarat bahawa TNB dari masa ke semasa mempunyai hak untuk mengkaji semula jumlah wang cagaran yang diperlukan berdasarkan kepada jumlah penggunaan elektrik. Pembayaran wang cagaran boleh dibuat dalam bentuk tunai, cek, draf bank, perintah juruwang atau jaminan bank. Dengan syarat bahawa, kecuali wang cagaran dalam bentuk jaminan bank, TNB hendaklah membayar kepada Pengguna tertakluk kepada apa-apa syarat dan kadar sebagaimana yang ditetapkan sejumlah wang yang bersamaan dengan faedah tahunan ke atas wang cagaran menurut Akta.
 - 4. PENJAGAAN DAN PENYELENGGARAAN PEPASANGAN TNB**
Pengguna bersetuju: -
 - a) untuk menjaga pemasangan TNB dan mengambil langkah bagi memastikan bahawa tiada kerosakan atau menyebabkan berlaku usikan ke atas pemasangan tersebut;
 - b) untuk membenarkan TNB menyelenggara mana-mana pemasangan dan peralatan elektrik di premis Pengguna pada bila-bila masa untuk tujuan keselamatan.Sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau kejanggalan pada pemasangan, TNB berhak untuk membaiki pulih dan menghapuskan kecacatan kecacatan tanpa bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan selagi ianya bukan disebabkan oleh kecauaian atau tindakan yang disengajakan oleh TNB, pekerja-pekerjanya atau agennya.

5. PENAMATAN OLEH PENGGUNA

Tertakluk kepada klausa 26, memberi notis kepada TNB secara bertulis dan hendaklah disampaikan melalui:-

- serahan tangan; atau
- pos berdaftar; atau
- pos biasa; atau
- elektronik seperti yang ditentukan oleh TNB.

Penamatan Kontrak akan berkuatkuasa tiga (3) hari bekerja selepas TNB menerima notis penamatan. Pengguna hendaklah memberikan akses kepada TNB untuk pemotongan bekalan di premis dan sekiranya Pengguna gagal berbuat demikian, penamatan tidak akan berkuatkuasa dan Pengguna hendaklah membayar semua caj yang berkaitan dengan penggunaan tenaga elektrik di premis tersebut sehingga pemotongan bekalan dan penamatan kontrak yang sebenar dapat dilaksanakan.

6. PENGOSONGAN PREMIS

Sekiranya Pengguna mengosongkan premis tanpa memberi notis seperti di Klausa 5, Pengguna bertanggungjawab membayar semua caj penggunaan elektrik dan apa-apa caj yang perlu dibayar berkenaan dengan pembekalan elektrik sehingga pemasangan itu dipotong atau sehingga seorang pengguna lain memohon bekalan elektrik dan menandatangani suatu kontrak bekalan yang baru.

TNB berhak untuk tidak memberi bekalan elektrik kepada Pengguna yang mengosongkan premis tersebut di mana-mana premis lain sehingga Pengguna tersebut membayar penuh amaun yang tertunggak.

7. PREMIS DISEWA

Sekiranya premis disewakan, Pengguna/pemilik premis bersetuju:-

- untuk memaklumkan penyewa supaya memohon kepada TNB bekalan elektrik untuk didaftarkan di bawah nama penyewa melalui proses Pertukaran Penghuni;
- untuk memaklumkan TNB apa-apa pertukaran penyewa dan Pengguna mempunyai pilihan untuk penyewa memohon Pertukaran Penghuni bagi akaun tersebut;
- Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya bagi pembayaran bil yang berdaftar di bawah nama Pengguna;

8. TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAIKI KEROSAKAN

Pengguna perlu membayar sebarang kerugian terhadap apa-apa kerosakan yang disengajakan ke atas pemasangan TNB yang berada di premis Pengguna atau yang diakibatkan oleh kecuaiannya Pengguna atau mana-mana orang di bawah seliaannya.

9. TIADA GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK KEPADA PENGGUNA LAIN

Menggunakan bekalan elektrik tanpa mengganggu pembekalan elektrik kepada pengguna-pengguna lain.

10. TIADA HALANGAN KEPADA PEPASANGAN TNB

- Pengguna tidak akan mewujudkan apa-apa halangan dan/atau menjalankan apa-apa aktiviti berhampiran dengan mana-mana pemasangan elektrik TNB dan/atau menempatkan apa-apa kelengkapan yang mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau harta benda dan/atau membuat pendawaian dan/atau pemasangan elektrik kepada mana-mana pendawaian dan pemasangan sedia ada pada mana-mana premis tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya Tenaga dan/atau TNB.
- (i) TNB berhak untuk mengambil tindakan yang munasabah untuk menghapuskan halangan yang diwujudkan oleh Pengguna atau wakil yang berada di bawah seliaan/kawalan pihak Pengguna.
(ii) TNB tidak akan bertanggungjawab untuk membayar kos kerugian dan/atau kerosakan kepada Pengguna yang berkaitan dengan tindakan penghapusan tersebut.

11. PEPASANGAN TENAGA BOLEH BAHARU

Semua pemasangan tenaga boleh baharu akan tertakluk kepada garis panduan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.

12. KEBENARAN LALUAN

Pengguna bersetuju dengan TNB bahawa pekerja, agen, dan/atau wakil TNB dibenarkan untuk memasuki kawasan premis Pengguna pada masa, cara dan keadaan yang munasabah:-

- untuk menjalankan kerja-kerja/pemeriksaan dan/atau ujian dan/atau pembinaan dan/atau perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembekalan dan pemotongan ke premis Pengguna.
- bagi kemasukan di bawah Klausa 12(a) TNB akan membaiki/pulih apa-apa kerosakan, sekiranya ada, disebabkan oleh tindakan tersebut.

13. PERAKUAN PEMOHON

Pengguna hendaklah mematuhi pada bila-bila masa Perakuan Pemohon sepertimana yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan.

B. TANGGUNGJAWAB TNB

14. KEDUDUKAN PEPASANGAN TNB

TNB akan menentukan kedudukan dan penamatan-akhir masuk talian-talian sesalur atau kabel termasuk fuis-fuis "cut-out", meter dan lain-lain ke premis Pengguna. Sekiranya Pengguna hendak mengalihkan pemasangan tersebut, kebenaran TNB mesti diperolehi dan kos pengalihan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pengguna. Apa-apa

pengalihan yang dibuat tanpa kebenaran bertulis, TNB berhak untuk memotong bekalan tanpa sebarang notis.

15. PENGGUNAAN PEPASANGAN UNTUK PENGGUNA LAIN

TNB boleh menggunakan mana-mana bahagian pemasangan yang disediakan oleh pihak TNB untuk memberi bekalan kepada pengguna-pengguna yang lain di kawasan berkenaan.

16. PEMERIKSAAN OLEH TNB

- TNB boleh menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas semua pemasangan sebelum bekalan disambungkan. Walau bagaimanapun, ia adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor Elektrik Berdaftar untuk memastikan bahawa pemasangan adalah selamat.
- Pengguna hendaklah memaklumkan TNB sebarang cadangan penyambungan atau pindaan kepada pemasangan supaya TNB boleh menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan ujian terhadap penyambungan atau pindaan sekiranya TNB ingin berbuat demikian.
- TNB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan atau yang berlaku semasa atau selepas ujian akibat sebarang kecacatan pada pemasangan itu dan sebarang ujian yang dijalankan oleh TNB adalah bagi maksudnya sendiri dan tidak boleh disiratkan ada sebarang waranti bahawa pemasangan itu sesuai bagi kepentingan Pengguna atau ianya telah mematuhi sepenuhnya Akta atau sebarang pindaan selanjutnya yang dibuat di bawahnya.

17. PEMBERHENTIAN BEKALAN SEMENTARA

TNB boleh memberhentikan bekalan ke premis Pengguna untuk sementara waktu bagi apa-apa tujuan yang berkaitan dengan keberkesanan sistem pembekalan elektrik TNB dengan memberikan notis lebih awal. TNB tidak bertanggungjawab untuk memberi bekalan alternatif setelah pemotongan berlaku.

18. PERTUKARAN PENGHUNI

Sekiranya premis Pengguna yang diberikan bekalan elektrik di bawah Kontrak ini disewakan, TNB perlu memaklumkan kepada Pengguna bahawa Pengguna mempunyai pilihan untuk penyewa memohon Pertukaran Penghuni bagi akaun tersebut..

19. STATUS PENGGUNA

TNB berkewajipan untuk memberikan bekalan elektrik kepada pemilik atau penduduk yang sah bagi premis tersebut seperti yang yang diperuntukkan oleh Undang-Undang.

C. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH KEDUA PIHAK

20. SESALUR MENINGKAT DAN SESALUR SISI

- Bagi premis individu, mana-mana pemasangan sesalur dan talian servis dan alat-alat tambahan sehingga dan termasuk meter adalah harta TNB.
- Bagi premis yang berbagai penghuninya di mana sebahagian dari bekalan adalah bagi tujuan termasuk tetapi tidak dihadkan kepada pemilik, pemaju, pemunya pengurusan atau tuan tanah dan lain-lain penghuni bangunan, bekalan tuan tanah dan bekalan setiap penghuni akan mempunyai meter yang berasingan dan dibilkan oleh TNB. Pemilik, pemaju, pemunya pengurusan, tuan tanah atau agen masing-masing wajib atas perbelanjaan sendiri memperuntukkan, memiliki, menyelenggara dan membaiki/pulih sistem elektrik di dalam bangunan termasuk sesalur meningkat dan sesalur sisi jika difikirkan patut atau perlu. Rekabentuk, pemasangan dan pengendalian sistem elektrik tersebut harus mematuhi segala peruntukan yang telah ditetapkan oleh badan yang bertanggungjawab termasuk Pihak Berkuasa dan TNB selaras dengan Akta.

21. PEMBILAN DAN PEMBAYARAN

- Segala bil termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa caj lain berkenaan dengan amaun yang kena dibayar kepada TNB akan diberikan kepada pengguna secara bulanan dan hendaklah dibayar dalam masa tiga puluh hari selepas penyerahannya.
- Walaupun apa pun yang dinyatakan sebelum ini, TNB mempunyai hak untuk mengenakan Caj Minimum Bulanan sekiranya jumlah bil elektrik bulanan kurang dari amaun yang ditetapkan dalam Buku Tarif.
- TNB mempunyai hak untuk mengenakan surcuj sebanyak satu peratus (1%) sebulan ke atas apa-apa amaun tertunggak yang dikira sehingga pembayaran sepenuhnya dibuat.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab ke atas bil-bil elektrik yang dikeluarkan oleh TNB termasuk jumlah yang belum dibayar kepada TNB, jika ada, selagi akaun ini didaftarkan di bawah nama Pengguna tanpa mengira apa-apa penggunaan tenaga elektrik oleh mana-mana pihak ketiga.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semula amaun dalam bil yang dihantar oleh TNB termasuk apa-apa caj lain yang berkaitan bagi apa-apa bayaran yang tidak sah yang dibuat oleh Pengguna seperti kad kredit palsu, cek tendang dan lain-lain.
- Sekiranya Pengguna gagal membayar apa-apa amaun di bawah Klausa 21(a), (b) dan (c) maka TNB berhak memotong bekalan elektrik di premis berkenaan.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab untuk membuat bayaran terhadap sebarang amaun bil elektrik yang belum dijelaskan dan/atau kehilangan pendapatan dan/atau kos yang ditanggung TNB akibat dari penggunaan elektrik yang tidak jujur sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta.
- TNB berhak untuk membuat pelarasan dan mengemaskini akaun Pengguna mengikut Undang-Undang.

22. PENGALIHAN PEPASANGAN TNB

Jika Pengguna atau pemilik sesebuah premis meminta TNB supaya mengalihkan atau memindahkan litar bekalan, tiang, bilik pencawang, pylon atau apa-apa pemasangan TNB atau peralatan di dalam atau di luar premis Pengguna, tertakluk kepada persetujuan oleh TNB sekiranya tidak menjejaskan sistem penghantaran/pengalihan elektrik, segala kos melaksanakan pengalihan atau penempatan semula akan ditanggung sepenuhnya oleh Pengguna atau pemilik yang mana berkenaan.

23. KEJADIAN KEINGKARAN

Kejadian mana-mana perkara di bawah adalah merupakan kejadian keingkaran di bawah Kontrak ini dan ia tidak terhad kepada:

- Tindakan atau keingkaran Pengguna yang telah menjejaskan kecekapan dan/atau keselamatan pemasangan TNB.
- Pengguna telah gagal mematuhi dan/atau pelanggaran mana-mana peruntukan Kontrak ini dan/atau Akta dan/atau melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta.
- Pengguna ini telah mendapat kebenaran bagi pelantikan atau mengambilalih oleh penerima atau pelikuidasi itu sendiri atau keseluruhan atau sebahagian besar daripada harta Pengguna.
- Pengguna mengakui secara bertulis ketidakupayaan Pengguna untuk membayar hutang apabila hutang tersebut dituntut.
- Pengguna membuat serahanhak umum atau penyusunan atau komposisi dengan atau bagi faedah kepada pemiutangnya.
- Memulakan kes secara sukarela atau memfailkan petisyen terhadap mana-mana pihak yang ingin mendapatkan kelebihan daripada mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan kebangkrutan, insolvensi, penstrukturan hutang, pengurangan atau komposisi.
- Pengguna diletakkan di bawah penerimaan atau pentadbiran khas atau likuidasi.
- Pengguna ini diisytiharkan muflis/bankrap oleh Mahkamah.
- Telah berlakunya pembubaran atau kematian di pihak Pengguna.
- Kegagalan untuk membayar jumlah yang ditetapkan di bawah Klausula 21 di atas.
- Penggunaan bekalan elektrik secara tidak jujur.
- Kegagalan Pengguna mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Klausula 13 kontrak ini.

Pada tarikh kuatkuasa penamatan Kontrak, TNB akan dilepaskan daripada sebarang obligasi dan liabiliti di bawah Kontrak ini.

24. PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK

TNB boleh memotong bekalan kepada Pengguna dengan memberikan notis bertulis kurang daripada tujuh (7) hari bekerja terlebih dahulu dalam mana-mana keadaan yang dinyatakan di bawah:

- Apa-apa keingkaran oleh Pengguna di bawah Klausula 23 dan keingkaran tersebut tidak diremеди dalam tempoh yang ditetapkan jika ada;
- Sebarang hak untuk memotong bekalan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta.

25. PENAMATAN KONTRAK OLEH TNB

- TNB boleh menamatkan Kontrak ini di atas sebab-sebab yang munasabah dengan mengambilkira hal keadaan yang sewajarnya, atau di atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Undang-Undang dan Kontrak ini dengan memberikan notis secara bertulis tidak kurang dari empat belas (14) hari bekerja mengenai niatnya untuk berbuat demikian.
- TNB boleh juga menamatkan Kontrak ini di bawah Klausula 23 dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari bekerja yang bermula dari tarikh tamat tempoh remedi (sekiranya ada).
- Sekiranya TNB menerima sebarang notis pemotongan daripada Pengguna maka penerimaan tersebut adalah dianggap sebagai notis penamatan kontrak oleh Pengguna tertakluk kepada penyerahan notis oleh TNB di bawah Klausula 25(a).
- Jika TNB mendapati bahawa maklumat yang diberikan adalah palsu dan/atau dipertikaikan dengan kewujudan bukti prima facie yang berhubungan dengan pembekalan elektrik dan dibuktikan dengan mana-mana undang-undang yang terpakai, TNB berhak untuk menamatkan Kontrak ini selepas memberi notis bertulis tidak kurang daripada 48 jam.

26. NOTIS

Melainkan dan kecuali diperuntukkan di bawah Akta dan mana-mana klausa dalam Kontrak ini, apa-apa notis, tuntutan atau komunikasi-komunikasi lain yang diperlukan atau dibenarkan untuk diberi atau dibuat di bawah Kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disampaikan secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa atau secara elektronik berdasarkan pilihan pengguna kepada alamat yang diberikan dalam Kontrak ini. Bukti pengeposan atau penghantaran apa-apa notis, tuntutan atau komunikasi akan dianggap sebagai bukti penerimaan:

- sekiranya disampaikan secara serahan tangan, pada masa ia diserahkan dan telah diakui penerimaannya;
- sekiranya surat dihantar melalui pos, pada hari ketiga (3) Hari Bekerja selepas pengeposan.
- sekiranya dihantar secara elektronik, pada masa ia dihantar kepada penerima.
- sekiranya dihantar secara pos dan elektronik, pada hari ketiga (3) hari bekerja selepas pengeposan.

27. PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

Penyampaian sebarang proses undang-undang hendaklah melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar kepada alamat yang diberikan dalam Kontrak ini. Bukti pengeposan akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan penyampaian berkenaan hendaklah dianggap lengkap selepas lima (5) hari dari tarikh pengeposan.

28. FORCE MAJEURE

TNB tidak bertanggung kepada Pengguna untuk apa-apa pelanggaran terma dan syarat-syarat Kontrak ini yang disebabkan oleh apa-apa kejadian yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada kecemasan nasional, peperangan, permusuhan, rusuhan, kekecohan awam/gangguan sivil, gempa bumi, banjir, disposisi, atau pematuhan apa-apa perintah kerajaan, kerajaan tempatan atau mana-mana pihak berkuasa lain.

29. INDEMNITI DAN LIABILITI TIDAK BOLEH TUNTUT

- Pengguna bersetuju untuk menanggung rugi dan akan terus menanggung rugi TNB daripada dan terhadap segala tuntutan, perbuatan, gantirugi, tuntutan mahkamah, prosiding, dan segala kos guaman yang dibawa oleh pihak ketiga ke atas TNB, pekerja atau agennya, yang mana TNB mungkin boleh dipertanggungjawabkan akibat daripada pelaksanaan kontrak kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan sengaja TNB, pekerja atau agennya.
- Pengguna bersetuju bahawa TNB, pekerja, pengkhidmat, agen, wakil tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung rugi kepada Pengguna apa-apa kerosakan, kecederaan atau kehilangan terhadap harta Pengguna dan/atau nyawa melainkan kerosakan, kecederaan atau kehilangan telah dibuktikan adalah disebabkan oleh perbuatan sukarela, cuai atau tidak melakukan dan/atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana standard keselamatan yang terdapat di bawah mana-mana akta.
- Pengguna juga bersetuju selanjutnya bahawa TNB tidak bertanggung bagi sebarang kos yang ditanggung, kehilangan dan/atau kerosakan barang-barang industri, produk, harta atau nyawa Pengguna akibat daripada kemalangan yang tidak dapat dielakkan, ketidaketapan voltan, gangguan, pengurangan dan/atau gangguan bekalan elektrik, kebakaran atau kemalangan yang mungkin disebabkan oleh bekalan elektrik atau penggunaan atau penyalahgunaan yang tidak disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan sengaja TNB dan/atau kakitangannya.

30. KEBENARAN TUAN TANAH

Sekiranya perlu, Pengguna boleh membantu TNB mendapatkan kebenaran tuan tanah bagi penyambungan bekalan elektrik ke premis Pengguna.

D. LAIN-LAIN PERKARA

31. CUKAI-CUKAI

(a) Cukai Perkhidmatan

Pengguna hendaklah menanggung dan membayar Cukai Perkhidmatan yang mungkin dikenakan oleh kerajaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Bagi maksud klausa ini:

"Cukai Perkhidmatan" bermaksud Cukai Perkhidmatan yang terpakai bagi Kontrak menurut Akta Cukai Perkhidmatan;

"Akta Cukai Perkhidmatan" bermaksud sebagai Akta Cukai Perkhidmatan 2018 Malaysia termasuk kaedah-kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang bertanggungjawab ke atas cukai tersebut.

(b) Cukai-Cukai dan Levi-Levi yang Lain

Kecuali dinyatakan sebaliknya, Pengguna hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai semasa dan akan datang, duti-duti, levi-levi, dan caj-caj yang serupa termasuklah mana-mana faedah dan penalti yang berkaitan, walau bagaimana cara sekalipun ianya diperuntukkan (selepas ini dirujuk sebagai 'Cukai-Cukai Lain'), yang timbul daripada satu atau yang berkaitan dengan apa-apa jenis pembekalan yang dikenakan oleh undang-undang.

32. PERUNTUKAN UNDANG UNDANG

Kontrak ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut Akta dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya termasuk sebarang pindaan kepadanya serta mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

33. PINDAAN, MODIFIKASI ATAU GANTIAN

Tiada apa-apa pindaan atau perubahan terhadap Kontrak ini mengikat melainkan ia dipersetujui melalui instrumen bertulis yang ditandatangani oleh pihak-pihak yang berkontrak bagi maksud pindaan tersebut.

34. SERAHAN HAK

Pengguna tidak dibenarkan menyerahkan apa-apa hak atau obligasi yang timbul di bawah Kontrak ini kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada TNB.

35. PENGENEPIAN

Pengetahuan atau keakuran oleh TNB atas pelanggaran mana-mana syarat atau tanggungjawab yang terkandung di atas tidak dianggap sebagai atau disifatkan sebagai pengeneapan mana-mana syarat atau terma atau mana-mana daripadanya dan walau apa pun pengetahuan atau keakuran sedemikian, TNB berhak untuk menguatkuasakan haknya di bawah Kontrak ini.

36. TEMPOH MASA

Tempoh masa adalah intipati di bawah Kontrak ini.

37. PENGGANTI HAKMILIK

Kontrak ini hendaklah mengikat terhadap pengganti hakmilik dan pemegang-pemegang serah hak yang dibenarkan oleh mana-mana pihak di bawah Kontrak ini.

38. DUTI SETEM

Duti setem di bawah Kontrak ini akan ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pengguna.

39. KEBOLEHASINGAN

Jika satu atau lebih peruntukan di dalam Kontrak ini atau sebahagian darinya tak sah atau menjadi tidak sah atau tidak terpakai atas apa-apa juga alasan, ianya tidak akan sama sekali mengganggu atau merosakkan keesahan atau penguatkuasaan peruntukan yang lain.

40. PEMASANGAN PERALATAN UNTUK MENJANA ELEKTRIK

Pengguna hendaklah memaklumkan kepada TNB sebarang pemasangan peralatan bagi tujuan penjanaan di dalam premis Pengguna.

41. POWER QUALITY

Pengguna hendaklah memastikan semua pemasangan elektrik mempunyai immuniti yang mencukupi terhadap kejadian voltan yang mempunyai tempoh singkat (sag & swell) dan voltan fana (transient), dan tidak akan menjana (emisi) kejadian kualiti kuasa lain yang boleh memudaratkan sistem bekalan elektrik. Standard kualiti kuasa yang berkaitan adalah ditakrifkan dalam buku panduan permohonan bekalan elektrik TNB (ESAH).

42. FAKTOR KUASA

Pengguna hendaklah pada setiap masa melaksanakan usaha yang terbaik untuk memperolehi nilai faktor kuasa hampir kepada nilai 1.0 dalam semua operasi pemasangan elektrik. Caj faktor kuasa akan dikenakan kepada Pengguna, berdasarkan kadar semasa yang diluluskan berdasarkan Akta sekiranya nilai faktor kuasa bulanan kurang dari nilai faktor kuasa minimum yang ditetapkan di bawah polisi semasa TNB. Pengguna di bawah tarif domestik dan tarif lampu jalan adalah dikecualikan caj faktor kuasa.

43. ALAT KIMPALAN

Selain daripada kadar tarif yang berkaitan, Pengguna Voltan Rendah, Voltan Sederhana, Voltan Tinggi dan Voltan Amat Tinggi yang memasang alat kimpalan elektrik yang menggunakan alat ubah akan dikenakan caj. Alat kimpalan elektrik berkendalian motor adalah dikecualikan caj tersebut.

44. KERAHSIAAN

Melainkan ia adalah atau menjadi sebahagian daripada kepentingan awam, semua maklumat yang diberikan oleh pihak yang berkontrak adalah sulit pada setiap masa kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis.

45. DATA PERIBADI

- (a) TNB akan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP 2010") semasa memproses data peribadi Pengguna di bawah Kontrak ini;
- (b) TNB boleh menzahirkan data peribadi Pengguna kepada peguam, agensi-agensi kutipan hutang dan mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh TNB sebagai agen, kontraktor, pembekal perkhidmatan dan/atau penasihat profesional bagi apa-apa tujuan berkaitan pembekalan elektrik kepada Pengguna;
- (c) Pengguna boleh membuat sebarang pertanyaan, aduan atau permohonan untuk akses atau pembetulan kepada data peribadinya yang berkaitan dengan pembekalan elektrik kepada TNB;
- (d) Pengguna dengan ini memberi persetujuan bahawa data peribadi mereka boleh dipindahkan ke luar Malaysia untuk maksud yang sah atau yang perlu dan berkaitan dengan aktiviti pembekalan elektrik oleh TNB. Namun begitu, sekiranya tiada persetujuan yang diberikan oleh Pengguna, pihak TNB boleh melakukan pemindahan data peribadi tersebut ke negara yang mempunyai undang-undang perlindungan data peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan yang diberikan oleh APDP 2010 atau bagi tujuan menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang dibawah mana-mana undang-undang; dan
- (e) Polisi Perlindungan Data Peribadi TNB boleh diakses oleh Pengguna di <https://www.tnb.com.my/pdpa>

E. KLAUSA TAMBAHAN BERIKUT TERPAKAI BAGI PERNIAGAAN/ PENGGUNA BUKAN DOMESTIK / PENGGUNA KUASA BESAR (PKB)**46. KEHENDAK MAKSIMUM**

Pengguna yang mengambil bekalan pada tahap Voltan Sederhana, Voltan Tinggi atau Voltan Amat Tinggi, hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Kehendak Maksimum Sebenar tidak melebihi Kehendak Maksimum Diisytiharkan;

- (i) Sekiranya Kehendak Maksimum Sebenar melebihi dari Kehendak Maksimum Diisytiharkan pada bila-bila masa dalam tempoh ditetapkan, Kehendak Maksimum Sebenar tersebut akan menjadi Kehendak Maksimum Diisytiharkan yang baru bagi tujuan pembilan dan berkuatkuasa mulai dari tempoh pembilan yang berikutnya.
- (ii) Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya Kehendak Maksimum Sebenar yang direkodkan melebihi Kehendak Maksimum Diisytiharkan dan kesan berlebihan itu menyebabkan atau menjejaskan keselamatan, keselamatan dan kecekapan sistem TNB, TNB mengikut budi bicara mutlaknya boleh

mengurangkan Kehendak Maksimum kepada Kehendak Maksimum Diisytiharkan.

47. CAJ SAMBUNGAN BEBAN (CSB)

Pengguna dikehendaki untuk membayar Caj Sambungan Beban (jika ada) apabila mengambil bekalan pada Voltan Sederhana, Voltan Tinggi atau Voltan Amat Tinggi berdasarkan dasar semasa Tarif dan polisi Caj Sambungan.

48. GANTIRUGI BERES

Sekiranya Pengguna gagal atau berhenti mengambil bekalan untuk tempoh lima (5) tahun selepas bekalan diberikan, Pengguna hendaklah membayar kepada TNB Ganti Rugi Beres. Dengan syarat bahawa jumlah dan bayaran Gantirugi Beres adalah tertakluk kepada dasar semasa Tarif dan polisi Caj Sambungan.